

**KAJIAN PERUBAHAN YANG BERLAKU KEATAS REKA BENTUK**

**MASJID LAMA KEDAI MULONG.**

**AHMAD AZAM BIN MOHAMAD**

**C18A0010**

UNIVERSITI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DAN KEPUJIAN**

MALAYSIA

KELANTAN

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh  hingga \_\_\_\_\_



**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*



**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

*Azam*

AHMAD AZAM BIN MOHAMAD

ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

Tarikh:

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Kajian Perubahan Yang Berlaku Keatas Reka Bentuk Masjid Lama Kedai**

**Mulong.**

oleh

AHMAD AZAM BIN MOHAMAD

C18A0010

Laporan ini dihantar untuk memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian

Warisan dan Kepujian

UNIVERSITI

MALAYSIA

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

## Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurnianya saya dapat juga menyempurnakan tugas Projek penyelidikan. Sepanjang menjalankan projek penyelidikan, saya telah memperoleh pelbagai pengalaman yang amat berharga dan bermakna dalam hidup saya sebagai seorang pelajar walaupun ada pahit dan manis. Pengalaman saya perolehi sepanjang menjalankan projek penyelidikan ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup saya, saya akan menggunakan sebaik mungkin.


Oleh itu, saya juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan berkaitan dengan lebih terperinci bagi tugas ini iaitu “Kajian Perubahan Yang Berlaku Keatas Reka Bentuk Masjid Lama Kedai Mulong”.Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pensyarah saya iaitu ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM, kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya bagi menyiapkan projek penyelidikan.

Oleh itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ayah saya Mohamad Bin Daud dan ibu saya Faridah Binti Yacop dan juga ahli keluarga saya yang telah banyak membantu dan memberi sokongan moral bagi menyelesaikan projek penyelidikan ini.Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang banyak membantu saya dari segi menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi menjayakan untuk menyempurnakan projek penyelidikan ini dengan jayanya.


Ucapan ini juga saya ingin ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung kerana segala bantuan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## ABSTRAK

Malaysia adalah sebuah Negara yang kaya dengan warisan yang tidak ternilai oleh kerana ini penyelidik ingin melakukan satu Kajian Perubahan Yang Berlaku Keatas Reka Bentuk Masjid Lama Kedai Mulong. Masjid ini dahulunya adalah sebuah balai rong yang berada di Kota Bharu sebelum dipindah ke Mulong yang dikenali nama tempat kedai Mulong. Dalam kajian ini mempunyai pernyataan masalah bagi penyelidik iaitu Masih Kurang kajian berkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan dan Rujukan berkaitan Masjid Lama Kedai Mulong, kajian ini mempunyai tiga objektif yang ingin dikaji pertama Mengetahui ciri-ciri seni bina Masjid Lama Kedai Mulong yang mana masih ada masyarakat yang tidak tahu akan ciri-ciri masjid Lama Kedai Mulong dar Pembuatan Tapak sehingga Pembuatan Bumbung. Objektif Kedua adalah Mengenalpasti kerja-kerja pemuliharaan ke atas Masjid Lama Kedai Mulong dimana langkah konservasi yang berlaku keatas Masjid Lama Kedai Mulong tidak banyak yang tahu akan perjalanan. Ketiga objektif adalah Menyiasat perubahan yang berlaku keatas reka bentuk Masjid Lama Kedai Mulong dari awal sehingga siap dikonservasi. Kajian ini telah memilih kaedah untuk digunakan adalah keadah kualitatif iaitu melalui temu bual, analisis dokumen dan juga daripada rujukan internet, pepustakaan dan lain-lain. Seterusnya, apabila kajian ini dilakukan akan menjawab isu berkaitan dengan perubahan yang berlaku ke atas masjid lama Kedai Mulong.

## ABSTRACT

Malaysia is a country rich in invaluable heritage because of this researchers want to do a study on the changes that have occurred on the design of the Old Mosque Kedai Mulong. This mosque used to be a rong hall located in Kota Bharu before being moved to Mulong which is known as the Mulong shop place. In this study has a problem statement for the researcher that there is still a lack of research related to the study to be done and References related to the Old Mosque of Kedai Mulong, this study has three objectives to be studied first Knowing the architectural features of the Old Mosque of Kedai Mulong which still has a community who did not know the characteristics of the Old Kedai Mulong mosque from the construction of the site to the construction of the roof. The second objective is to identify the conservation work on the Old Mosque of Kedai Mulong where the conservation measures that took place on the Old Mosque of Kedai Mulong not many people know about the journey. The third objective is to identify the changes that have taken place in the design of the Kedai Mulong Old Mosque from the beginning until it is ready to be conserved. This study has chosen the method to be used is a qualitative method that is through interviews, document analysis and also from internet references, libraries and others. Next, when this study is done will answer issues related to the changes that took place on the old mosque Kedai Mulong.

**KANDUNGAN****MUKA SURAT**

PENGHARGAAN.....	I
ABSTRAK.....	II
ABSTRACT.....	III
ISI KANDUNGAN.....	IV
SENARAI JADUAL.....	V
SENARAI RAJAH.....	VI
SENARAI GAMBAR.....	VII
<b>1.0 BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan.....	1-2
1.1 Latar Belakang .....	2-4
1.2 Penyataan Masalah.....	5-6
1.3 Persoalan Kajian.....	6-7
1.4 Objektif.....	8-9
1.5 Skop Kajian.....	9-10
1.6 Lokasi Kajian.....	10-11
1.7 Kepentingan Kajian.....	12-13
1.8 Rumusan Bab.....	14
<b>2.0 BAB 2: LITERATURE REVIEW</b>	



2.0 Warisan.....	15-16
2.1 Masjid Di Malaysia.....	16-19
2.2 Bangunan Tradisional Di Kelantan.....	19-23
2.3 Reka Bentuk Bangunan Tradisional Di Kelantan.....	23-28
2.4 Rumusan Bab.....	28
<b>3.0 BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan.....	29-30
3.1 Pendekatan Kajian.....	30
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	31-33
3.3 Kaedah Pengumpulan Data.....	33-34
3.4 Instrumen Kajian.....	34-38
3.5 Keadah Analisis .....	38-40
3.6 Rumusan Bab.....	41
<b>4.0 BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Mengatahui Ciri-ciri Seni Bina.....	42-61
4.2 Mengenalpasti Kerja-kkerja Pemuliharaan.....	62-69
4.3 Menyiasat Perubahan Yang Berlaku Keatas Reka Bentuk.....	70-74
4.4 Rumusan Bab.....	75-76
<b>5.0 BAB 5:PERBINCANGAN, CADANGAN, KESIMPULAN</b>	

5.0	Pendahuluan.....	77-78
5.1	Perbincangan.....	78-82
5.2	Cadangan.....	82-85
5.3	Kesimpulan.....	85-86
	Rujukan.....	87-88

## BAB 1

### Pengenalan

#### **Kajian Perubahan Yang Berlaku Keatas Reka Bentuk Masjid Lama Kedai Mulong.**

##### **1.0 Pengenalan**

Mengikut kamus Dewan (2004) warisan bermaksud sesuatu yang diwarisi iaitu sesuatu yang menjadi warisan turun temurun ataupun peninggalan dahulu. Khazanah warisan merupakan masa lampau yang diterokai dan penilaiannya berupaya membuktikan ketamadunan sesuatu bangsa dan Negara (Fatimah 2010), khazanah warisan amatlah penting dalam dunia sekarang lebih lagi pada generasi muda disebabkan khazanah mempunyai nilainya yang tersendiri dan mempunyai sejarah yang penting sebagai maklumat.

Khazanah haruslah dijaga kerana dapat memberi kesan besar kepada generasi akan datang dari segi sumber rujukan, sumber nostalgia, dan tauladan kepada generasi akan datang. Khazanah warisan juga memberi impak yang besar kepada ekonomi dari segi pelancongan dan khazanah warisan juga haruslah dibongkar bagi mendapatkan maklumat dan perlu dijaga bagi mengekalkan khazanah hilang ditelan pembangunan yang semakin pesat, bencana alam dan fenomena alam.

Bangunan di Malaysia yang dibina atau didirikan mempunyai fungsi dan lembang sesuatu melalui ciri-ciri tertentu masyarakat di Malaysia. Seni bina di Malaysia mempunyai beberapa jenis antaranya adalah seni bina masjid, istana, rumah kediaman, bangunan kerajaan, dan lain-lain yang mempunyai bentuk atau seni bina tersendiri. Seni bina bangunan lama yang ada di Malaysia dikukuhkan dengan adanya nilai atau bentuk bangunan yang membuktikan bentuk keaslian bangunan bersejarah tersebut.

Proses konservasi keatas bangunan bersejarah perlu merujuk kepada dasar dan prinsip pemeliharaan yang telah diwartakan oleh jabatan Muzium Malaysia iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilaksanakan haruslah berkonsep moden iaitu menyelamatkan dan membangunkan bangunan berteraskan keaslian bangun tersebut seperti jenis bahan, warna, dan tekstur. Cara pembuatan juga dititik berat dari segi keadah pembinaan dan kerja tangan supaya dapat hasil yang hampir asli dengan asal pembinaan bangunan tersebut. terakhir dalam konservasi adalah mengekalkan fungsi yang asal ataupun sedia kala bangunan.

### **1.1. Latar belakang kajian**

kajian yang ingin dilakukan adalah keatas sebuah masjid iaitu Masjid Lama Kedai Mulong. Masjid ini dahulunya adalah sebuah balai rong yang berada di Kota Bharu sebelum dipindah ke Mulong yang dikenali nama tempat kedai Mulong. Perubahan yang berlaku di balai rong kepada masjid yang menjadi pembualan iaitu bagaimana boleh berlaku adalah semasa perpindahan atau setelah perpindahan berlaku,

kajian ini telah menggunakan beberapa cara bagi menjawab isu yang berkaitan dengan perubahan balai rong kepada masjid dan cara pemuliharaan yang dilakukan bagi mendapat keaslian reka bentuk asal. Kaedah yang telah di pilih untuk digunakan adalah melalui temu bual, analisis dokumen dan juga daripada rujukan internet, pepustakaan dan lain-lain. Seterusnya, apabila kajian ini dilakukan akan menjawab isu berkaitan dengan perubahan yang berlaku ke atas masjid lama Kedai Mulong.

### **1.1.1. Latar Belakang Masjid Lama Kedai Mulong**

Masjid lama Mulong dengan panggilan masjid Lama Kedai Mulong oleh penduduk setempat, masjid ini dikategori bangunan yang mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi disebabkan oleh sejarah dan reka bentuk masjid lama Kedai Mulong. Masjid lama Kedai Mulong dahulunya asalnya dari sebuah bangunan atau sebuah Balai Rong Seri Raja Dewa yang telah dibina di Kota Bharu yang sekarang menjadi tapak bangunan UMNO. Balai rong ini dahulu hanya digunakan oleh raja pada waktu ini dan lain-lain.

Balai rong Seri Raja Dewa dibeli oleh Ahli jawatankuasa (AJK) dengan harga RM 1000 sahaja. Balai ini mula di rombak oleh oleh penduduk dan didirikan semula secara gotong-royong oleh penduduk setempat dan siap pada tahun 1958 dan pada tahun yang sama juga balai yang didirikan semula untuk dijadikan sebagai masjid boleh digunakan sebagai tempat solat. Balai ini mempunyai keluasan yang luas iaitu

20x60 dan sangat sesuai untuk dijadikan masjid kerana inilah balai rong seri Raja Dewa dibeli oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) dengan Harga RM1000 pada waktu itu.

Keunikan Masjid Lama Mulong terkena dengan seni binanya yang didirikan tanpa menggunakan paku seperti Masjid Kampung Laut yang hanya menggunakan teknik tanggam dan pasak. Keunikan seni bina ini telah membuktikan kehebatan seni bina melayu Kelantan pada waktu itu sedangkan teknologi yang digunakan lebih kepada buatan tangan berbanding sekarang. Seni bina dan ciri-ciri yang digunakan pada waktu itu membuktikan kehebatan dan kepakaran tukang membuat masjid pada waktu dapat dilihat sehingga kini. Bahagian yang dapat dilihat pada masa kini yang masih dikekalkan adalah dinding, pintu, ruang atap dan tiang yang mempunyai ukiran dan reka bentuk yang tersendiri. Masjid lama Mulong mempunyai beberapa unsur yang datang dari luar iaitu dari siam kerana bersempadanan dengan siam.

Semasa penpindahan berlaku telah dilakukan perubahan dari asal balai rong diubah suai kepada masjid dari segi pintu, tingkah ada perubahan kerana memudahkan kemasukan udara kedalam masjid. Pihak terlihat dalam menjaga keaslian ,Masjid Lama Mulong telah menjalankan langkah konservasi keatas Masjid Lama Mulong untuk menadapat keaslian Masjid Lama Mulong semasa masih menjadi balai rong Seri Raja Dewa di Kota Bharu untuk dikekalkan dan untuk gambaran kepada masyarakat akan kehabatan reka bentuk dan seni bina pada masa dahulu.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Penyataan masalah juga satu proses memudahkan dalam kajian yang ingin dijalankan bagi membantu pengkaji menyelesaikan kajian yang ingin dijalankan. Antara penyataan masalah yang dikenal pasti adalah:

### **1.2.1 Masih Kurang kajian berkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan dan Rujukan berkaitan Masjid Lama Kedai Mulong.**

Penyataan masalah adalah kajian yang ingin dibuat berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong adalah disebabkan oleh kajian yang pengkaji ingin buat masih kurang dibuat oleh pengkaji-pengkaji lepas berkaitan dengan ciri-ciri seni bina Masjid Lama Mulong berbanding kajian yang lepas hanya membuat kajian secara ringkas dan hanya kajian sejarah sahaja. Seni bina Kelantan sangat menarik kerana seni bina hanya penuh dengan kesenian tetapi masih banyak artikel dilakukan akan berkaitan dengan seni bina terutama Masjid Lama Kedai Mulong sebagai contoh artikel yang ditulis oleh Encik Shahrudin iaitu masjid Mulong hanya berceritakan secara luaran sahaja tidak secara keseluruhan berkaitan dengan masjid Lama Kedai Mulong.

Selain itu, perubahan yang berlaku keatas struktur juga menjadi menjadi kajian yang dapat dilakukan kepada pengkaji kerana hanya sedikit dan kajian yang telah dibuat tetapi tidak secara keseluruhan kerana perubahan struktur keatas Masjid Lama

Kedai Mulong berlaku melalui beberapa perubahan fasa antaranya fasa semasa masih balai rong Seri Raja Dewa selepas itu berlaku perubahan fasa perpindahan balai rong menjadi masjid dan terakhir adalah perubahan fasa konservasi masjid kepada balai rong. Perubahan struktur balai rong kepada masjid banyak menimbulkan tanda tanya akan berkaitan macam langkah konservasi yang dilakukan tidak merosakkan seni bina Masjid Lama Kedai Mulong.

Seterusnya, permasalahan berkaitan dengan langkah-langkah konservasi ke atas Masjid Lama Kedai Mulong juga tiada maklumat secara terperinci dari langkah awal pemuliharaan masjid yang telah diubah kepada bentuk asal oleh Jabatan Warisan Negara (JWN 2009) dan cara pemeliharaan Masjid Lama Kedai Mulong. kebanyakan kajian yang dijumpai hanya menyatakan berkaitan hasil dari konservasi yang telah dilakukan.

### **1.3 Persoalan Kajian**

#### **1.3.1 Apakah ciri-ciri reka bentuk Masjid Lama Kedai Mulong?**

Kajian yang dilakukan oleh penyelidik adalah untuk mengetahui berkaitan dengan ciri-ciri seni bina Masjid Lama Kedai Mulong adalah mempunyai keunikan dengan masjid-masjid lain dari tapak asal sebuah bangunan sehingga menjadi sebuah bangunan.



### **1.3.2 Bagaimanakah kerja-kerja pemuliharaan ke atas Masjid Lama Kedai Mulong dilakukan?**

Konservasi keatas masjid juga menjadi persoalan disebabkan oleh kajian-kajian lepas tidak ada membuat kajian secara terperinci berkaitan dengan langkah-langkah konservasi keatas masjid sedangkan perkatra ini penting di dalam sesebuah kajianyang akan dilakukan pada masa hadapan.

### **1.3.3 Bagaimanakah berlaku perubahan keatas Masjid Lama Kedai Mulong?**

Kajian yang ingin dilakukan berkaitan dengan apa yang berlaku keatas seni bina masjid dari awal iaitu sebuah balai rong ke sebuah masjid dari ciri-ciri seni bina , perubahan balai rong kepada masjid dan konservasi keatas masjid. Kebanyakan kajian yang didapati banyak memceritakan masjid di Kelantan manakala ada juga membuat kajian secara luaran berkaitan Masjid Lama Kedai Mulong dari segi seni bina dan reka bentuk dalaman dan motif yang ada di Masjid Lama Kedai Mulong tetapi tidak secara mendalam lagi.

## **1.4 Objektif kajian**

Dalam membuat kajian berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong pengkaji telah mencadangkan beberapa objektif yang sesuai dengan kajian bagi memudahkan apa yang perlu dibuat dalam kajian, antara objektif yang dicadangkan adalah:

### **1.4.1 Mengetahui ciri-ciri seni bina Masjid Lama Kedai Mulong.**

Objektif ini lebih tertumpu kepada ciri-ciri seni bina masjid struktur binaan dari pembuatan tapak masjid, struktur badan masjid dan bumbung masjid dimana untuk melihat bagaimana pembinaan masjid dari awal pembinaan dan apakah ciri-ciri seni bina yang digunakan di atas Masjid Lama Kedai Mulong.

### **1.4.2 Mengenalpasti kerja-kerja pemuliharaan ke atas Masjid Lama Kedai Mulong**

Konservasi adalah satu proses pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan keatas sebuah bangunan mahupun monument. Objektif ini amatlah penting dalam kajian ini bagi mendapat maklumat berkaitan dengan bagaiman langkah konservasi yang dilakukan keatas Masjid Lama Mulong bagi mengekalkan keaslian seni bina asal balai rong dari awal sehingga akhir.

### **1.4.3 Menyiasat perubahan yang berlaku keatas reka bentuk Masjid Lama Kedai Mulong.**

Melalui pendekatan objektif ini mampu membantu dalam membuat kajian berkaitan dengan perubahan yang berlaku keatas masjid dari awal dibina di Kota Bharu sebagai Balai Rong dan dipindah ke kawasan lain yang dijadikan sebagai masjid adakah mempunyai perubahan dari struktur binaan atau penambahan atas reka bentuk .

### **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian ini amatlah penting dalam sesebuah kajian yang ingin dijalankan. Kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan reka bentuk bangunan lama iaitu reka bentuk Masjid Lama Kedai Mulong atau di panggil dengan nama Masjid Ar-Rahman yang terletak di Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. Kajian yang ingin dijalankan adalah tertumpu kepada tiga perkara yang menjadi bahan kajian adalah pertama berkaitan dengan mengetahui ciri-ciri reka bentuk Masjid Lama Kedai Mulong iaitu dari segi pembinaan masjid dari tapak masjid, rangka masjid, bumbung masjid, dan hiasan atau motif yang digunakan dalam pembinaan Masjid Lama Kedai Mulong.

Kajian kedua juga tertumpu kepada mengenalpasti kerja-kerja pemuliharaan ke atas Masjid Lama Kedai Mulong, perkara ini menjadi bahan kajian kerana untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan langkah-langkah konservasi yang dilakukan dari proses awal konservasi sehingga langkah terakhir konservasi ke atas Masjid Lama Kedai Mulong.


Kajian ketiga adalah berkaitan dengan menyiasat perubahan yang berlaku di atas struktur Masjid Lama Kedai Mulong, kajian ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat secara terperinci berkaitan dengan adakah berlaku perubahan secara besar-besaran keatas balai rong kepada masjid atau berlaku hanya sedikit sahaja kerana ada maklumat yang mengatakan berkaitan dengan perubahan balai rong kepada masjid berlaku banyak perubahan dari segi dalaman balai rong kepada masjid dan ada juga perubahan dari segi luaran balai rong kepada masjid, perkara ini telah menjadi sebuah pertanyaan yang mana betul atau salah.

## 1.6 Lokasi Kajian



### Gambar Rajah 1.6.1 Masjid Lama Kedai Mulong

Lot 495, Masjid Lama Kedai Mulong, Kilometer 11 Jalan Kuala Krai, Kota Bharu dan masjid ini juga dikenali sebagai masjid Ar-Rahman. Ia siap dibina semula sebagai masjid pada akhir Disember 1958. Keluasan bangunan Masjid Lama ini adalah 20' x 60' masjid ini tidak menggunakan sebarang paku dalam pembinaan masjid lama Kedai Mulong



Gambar Rajah 1.6.2 Pandangan melalui google mad

Lokasi

530, Jalan Kuala Krai, 16450 Ketereh, Kelantan

Link google mad

<https://goo.gl/maps/nfC1sduWZyrUEyYN6>

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini mampu memberi impak yang besar ke pada Malaysia disebabkan oleh kajian ini penting kepada individu, masyarakat dan istituti yang berkaitan dengan seni bina atau sejarah seni bina lama . perkara ini dapat mendedahkan kepada dunia akan dari pelbagai perkara dimana mendedahkan kehebatan seni bina ahli tukang dahulu yang dapat di banggakan oleh masyarakat kini sebelum wujudnya teknologi dalam pembangunan Negara sekarang.

### **1.7.1 Kepentingan kepada Individu**

Kajian ini memberi impak yang besar kepada individu dari segi pengetahuan ilmu berkaitan dengan seni bina atau kehebatan seni bina dahulu dan kajian ini juga membawa impak individu dari segi pengharga seni bina dahulu dari segi nilai estetika dimana jika tiada seni bina dahulu manakah wujud seni bina moden.

### **1.7.2 Kepentingan kepada Masyarakat**

Kepentingan kepada masyarakat pula lebih kepada mewujudkan perasaan suka kepada seni bina dahulu melalui pendedahan maklumat berkaitan dengan seni

bina dan mendedahkan kepentingan untuk menjaga bangunan-bangunan dahulu yang penuh dengan sejarah dan kehebatan seni bina untuk dikekalkan kepada generasi akan datang kerana masih ada sesetengah masyarakat yang masih tidak tahu akan kepentingan seni bina dahulu kepada masa kini atau masa akan datang.

### **1.7.3 kepentingan kepada Intitusi**

Kajian yang dijalankan amatlah penting dalam intitusi sebagai bahan rujukan atau sumber kepada kajian yang ingin dilakukan pada generasi akan datang dan kajian ini juga dapat dijadikan sebagai bahan bacaan dan lain-lain yang mendatangkan impak besar kepada seni bina Negara dari segi kajian yang ingin dilakukan atau perkembangan seni di Malaysia.

## 1.8 Rumusan Bab

Masjid Lama Kedai Mulong adalah sebuah bangunan yang penuh dengan seni bina dahulu yang dapat dilihat dari segi pembinaan atau pembuatan bangunan tersebut, setiap bangunan yang dibina dahulu adalah jenis seni tanpa menggunakan paku tetapi setiap bangunan seperti masjid Lama Kedai Mulong mempunyai pembezaan dari bangunan-bangunan lain. Masjid ini telah di konservasi pada 28 april 2009 oleh pihak yang terlibat iaitu Jabatan Warisan Negara(JWN) dan pihak-pihak lain bagi mengekalkan keaslian masjid kepada bentuk awal iaitu balai rong. Masjid Lama Kedai Mulong amatlah penting kepada individu, masyarakat dan Negara kerana dapat memberi impak yang besar dan juga dapat memberi kepada perkembangan dalam sektor pelancongan. Penjagaan ke atas bangunan bersejarah amatlah penting bagi setiap individu kerana ini adalah peninggalan nenek moyang kepada generasi sekarang dan kepada generasi akan datang.



## BAB 2

### LITERATURE REVIEW

#### 2.0 Warisan

Warisan merupakan sesuatu yang diwarisi dari generasi ke generasi mengikut artikel jabatan warisan Negara 2015(JWN). Warisan adalah satu khazanah untuk Negara yang dimiliki oleh seseorang ataupun sekelompok masyarakat yang bersama-sama bertanggungjawab dalam melindungi khazanah untuk dikekalkan (JWN 2015).

Warisan terbahagi kepada dua iaitu warisan ketara dan tak ketara, warisan ketara adalah sesuatu dikatakan kekal untuk dilihat manakala dapat dipegang secara static mahupun mudah alih iaitu tapak bersejarah, monument bangunan dan sesuatu yang dapat dipindahkan. Tapak bersejarah adalah sesuatu tempat yang berlaku sesuatu peristiwa sebagai contoh iaitu lembah bujang kawasan perlombongan Sg Lembang dan lain-lain, manakala bagi monument dan bangunan sesuatu yang dicipta oleh manusia untuk kegunaan manusia adalah istana, menara dan lain-lain. Selain itu, warisan ketara juga ada daripada alam semulajadi seperti hutan gunung, sungai dan lain-lain dari alam yang terjadi semula jadi. Akhir sekali iaitu mudah alih yang merupakan sesuatu artifak yang boleh di alih atau dipindahkan yang terdiri daripada bahan budaya sebagai contoh ukiran kayu, manik, manuskrip dan lain-lain.

Warisan tak ketara pula adalah satu ilmu dan kepakaran yang di taafsir kepada tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, persuratan dan bahasa sebagai contoh ritual dan kepercayaan, arca perayaan, seni persembahan, seni perubatan tradisional sukan, permainan tradisional dan seni tampak.

## **2.1 Masjid Di Malaysia**

### **2.1.1 Definisi Masjid**

Pengertian masjid adalah sebuah tempat ibadat bagi umat muslim, maksud lain bagi masjid adalah erti tempat sujud. Selain itu tempat masjid juga merupakan satu pusat kehidupan bagi komuniti muslim bagi kegiatan - kegiatan perayaan, perjumpaan, pengajian agama, ceramah dan belajar Al Qur'an sering dilaksanakan di masjid. Disamping itu, masjid turut memegang peranan dalam aktiviti sosial kemasyarakatan hingga kemiliteran pada zaman dahulu.

Gambaran umum definisi masjid oleh Dr. Abdurrahman Raden Aji Haqqi seorang pensyarah Institut Pengajian Islam, walaupun perkataan 'masjid' sudah diketahui umum secara jelas maksudnya tetapi apabila kita merujuk kepada beberapa kamus pelbagai bahasa, kita akan menjumpai beberapa kemusykilan untuk memastikan definisi masjid. Ini disebabkan oleh pembezaan pendapat oleh keumuman

definisi tersebut Sebagai contoh adalah Kamus Dewan mentakrifkan masjid adalah sebuah bangunan khas tempat orang Islam bagi beribadat.

### **2.1.2 Masjid Popular Di Malaysia**

Malaysia adalah sebuah Negara yang kaya dalam seni bina dari bangunan-bangunan bersejarah yang telah di iktiraf oleh dunia akan kehebatan dari seni bina, keunikan bangunan tersebut dan sejarah ke atas bangunan tersebut. Masjid juga antara bangunan yang popular di Malaysia kerana keunikan masjid itu sendiri dari pembuatan sehingga sejarah terjadinya masjid sebagai contoh antara masjid popular di Malaysia seperti berikut.

1. Masjid tertua di Malaysia yang dinyakan adalah Masjid Kampung Laut di Kelantan yang dinyatakan bahawa tertua di Nusatara dimana masjid ini dibina pada abad ke-18 oleh golongan pendahwah islam yang berulang-alik dari Champa ke Jawa tetapi masjid ini dipindah dari Kampung Laut ke Kota Bharu kerana kerosakan masjid akibat banjir dan hakisan tebing sungai yang boleh menjatuhkan masjid kedalam sungai, tapi masa sekarang masjid Kampung Laut dalam proses perpindahan kembali ke tempat asal iaitu di Kampung Laut.



Gambar Rajah 2.1 Masjid Kampung Laut

2. Masjid yang menjadi antara popular di Malaysia masjid Peringgit di Melaka yang dibina pada 1414 hijrah bersamaan 1726 masihi tetapi masjid ini musnah disebabkan oleh kebakaran dan dibina kembali pada tahun 1293 Hijrah bersamaan 1868 Masihi dengan menggunakan seni bina tradisional Melaka yang berbentuk empat segi.



Gambar Rajah 2.1.1 Masjid Peringgit

### 2.1.3 Kegunaan Masjid

Masjid bukanlah sahaja digunakan sebagai tempat ibadat bagi kaum Muslim tetapi ada juga menggunakan untuk perkara lain. Masjid juga tempat mendidik masyarakat akan membangunkan insan dan masyarakat dari segi rohani dan jasmani, (Hamka 1985). Masjid adalah tempat untuk menyuburkan jiwa bagi seseorang insan untuk mengingati Allah dalam apa-apa sahaja keadaan dalam ibadat yang wajib mahupun sunnat. Perkara ini berkaitan dengan sikap manusia dalam membaiki diri untuk lebih baik.

Kegunaan masjid bukanlah tertumpu kepada ibadat sahaja dimana ada juga dijugakan sebagai tempat istirahat bagi golongan musafir seperti zaman Rasulullah SAW yang menggunakan masjid sebagai tempat untuk rehat bagi golongan yang datang untuk berjumpa Rasulullah SAW dan bagi golongan fakir miskin, perkara ini membuktikan bahawa Masjid bukan sahaja tempat ibadat tetapi tempat kebajikan juga dan masjid juga menjadi tempat pentadbiran. (Abdul Razak, Mohd Khairil, & Ezry Fahmy, 2010).

### 2.2 Bangunan Tradisional Di Kelantan

Negeri Kelantan yang kaya dengan seni budaya tradisional yang begitu unik dan sejarah yang menarik. Selain itu juga, negeri Kelantan kaya dengan seni dalam reka bentuk bangunan yang penuh dengan keunikan yang telah menjadi antara tempat popular dan diktiraf oleh dunia akan keunikan mahupun sejarah ke atas bangunan-

bangunan yang ada Kelantan. Bangunan di Kelantan terdapat beberapa jenis bangunan yang terdiri dari bangunan istana, rumah tradisional dan masjid-masjid lama di Kelantan.

### **2.2.1 Istana**

Reka bentuk pada istana ini dapat dilihat banyak berusurkan dari seni bina tradisional melayu Kelantan bermula dari bumbung yang menggunakan bumbung yang jenis atap singgora sehingga penggunaan jenis dinding sebagai contoh istana yang digambarkan adalah Istana Jahar

Istana Jahar merupakan dahulu adalah sebuah istana Raja Bendara Long Kundur Bin Sultan Ahmad, istana ini telah dibina pada tahun 1887. Istana ini direka dengan penuh senibina tradisional melayu Kelantan, istana ini juga pernah dijadikan tempat persemayaman beberapa sultan dahulu termasuklah Almarhum Sultan Ismain Ibni Sultan Muhamamad IV

Istana ini telah diwartakan sebagai bangunan bersejarah Negeri Kelantan pada tahun 2005 di bawah akta 645 sebagai hak milik Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Istana Jahar ini menjadi tempat bagi pameran jenis alat perhiasan diri, pakian, jenis tekstil dan barang-barang tembaga, selain itu juga, berkaitan dengan adat istiadat Diraja Kelantan juga dipamerkan.



Gambar Rajah 2.2 Istana Jahar

### 2.2.2 Rumah Tradisional Melayu Kelantan


Reka bentuk rumah tradisional Kelantan disebabkan oleh latar belakang sejarah yang berlaku di Kelantan, sejarah ini telah menjadikan reka bentuk rumah tradisional Kelantan mempunyai keunikan dan reka bentuk yang tersendiri dari rumah tradisional negeri lain. Reka bentuk rumah negeri Kelantan juga mempunyai pengaruh daripada luar kerana dahulu negeri Kelantan adalah satu persinggahan pedagang iaitu dari perdagangan China, Indi, dan Arab

Pada peringkat akhir bagi penghasilan rumah tradisional melayu Kelantan iaitu kedatangan syariat Islam yang menekankan kepada keindahan sesuai dengan ajaran Islam, perkara ini telah membawa satu idea kepada

masyarakat Kelantan dalam pembinaan rumah tradisional Kelantan. Rumah tradisional Kelantan mempunyai dua jenis iaitu rumah bujang dan rumah tiang dua belas

### 1. Rumah Bujang

Rumah Bujang ini juga disebut sebagai rumah tunggal yang dibiau oleh masyarakat Kelantan yang kebanyakan pendapatan yang serdahana atau golongan bawah, rumah ini juga dikata rumah yang terawal dibina dan dipenghuni oleh masyarakat Kelantan. Rumah Bujang ini terdiri dari 6 tiang asas.




Gambar Rajah 2.2.1 Tiang Asas Rumah Bujang

### 2. Rumah Tiang Dua Belas

Rumah tiang dua belas adalah dikategori sebagai rumah golongan orang kaya ataupun golongan atasan kerana rumah ini dikatakan



melambangkan status seseorang pada zaman dahulu di Kelantan. Rumah ini menggunakan 12 tiang sebagai asas.




Gambar Rajah 2.2.2 Tiang Asas Rumah Tiang Dua Belas

### 2.3 Reka Bentuk Bangunan Tradisional Di Kelantan

Reka bentuk rumah tradisional Kelantan juga tiada beza sangat dengan negeri-negeri lain yang menggunakan ciri-ciri yang hampir sama tetapi ada juga perbezaan dari bentuk dan ciri-ciri tertentu bagi sebuah rumah tradisional. Antara ciri-ciri yang ada di sebuah rumah tradisional Kelantan adalah seperti berikut:-


#### 1. Pemeleh

Pemeleh adalah satu papan yang diletakkan di bahagian bumbung berada di hadapan dan belakang. Fungsi bagi pemeleh adalah bertujuan untuk menutup kasau lintang atau dikenali sebagai kasau jantan. Pemeleh ini selalu dijumpai di Kelantan, Terengganu dan Patani Thailand.



Gambar Rajah 2.3 Bentuk Pemeleh

Symbolisme bagi pemeleh adalah dinyatakan adalah jenis ukiran bangau yang dipercayai sebagai semangat keselamatan bagi nelayan yang ada di perahu atau kapal-kapal dahulu dan bergitu juga jika digunakan pada rumah. Selain itu, pemeleh ini juga dinyatakan bahawa metafora adalah tubuh manusia mengikut Abdullah Mohamed/Nakula (1986: 54-60). Pemeleh ini juga dikatakan iaitu zat kepada Allah yang bersifat Allah Ta'ala



Metafora tubuh manusia pada pemeleh mengikut Abdullah Mohamed / Nakula (1986: 54-60)

## 2. Tiba Layar

Tiba layar adalah merupakan satu kepingan papan yang berbentuk tida segi, tiba layar selalunya akan digunakan pada bahagian bumbung sebagai fungsi untuk menutup lubang yang disusun mengikut motif seperti kiasan matahari, bumbung pisang sesikat dan ukiran tebuk. Selain itu juga tiga layar membawa maksud Allah dan Muhammad secara keseluruhan(Nebula warisan Kelantan IV,62-64)



Gambar Rajah 2.3.2 Jenis Tiba Layar

- A) Kiasan Matahari
- B) Ukiran Tebuk
- C) Bumbung Pisang Sesikat

## 3. Ekor Itik dan Sirip/Sisik Naga

Ekor itik adalah satu hiasan bagi sebuah rumah tradisional Kelantan, ukiran itik ini dahulu adalah bercorak dari sulur daun tetapi mirip dengna ekor itik telah menyebabkan dipanggil sebagai ekor Itik. Kegunaan bagi ekor itik ini adalah sebagai lambang bagi golongan bangsawan serta golongan istana




Gambar Rajah 2.3.3 Ekor Itik Dan Sirip Naga

#### 4. Dinding Janda Ria dan Janda Hias

Dinding janda ria dan hias adalah satu jenis dinding yang digunakan oleh golongan raja, bangsawan dan orang berada (Nebula 1980: 67-72) kedua-dua adalah jenis dinding tetapi berbeza corak ukiran. Dinding janda hias dan ria bergantung kepada penggunaan warna yang menaikan lagi seri.

Simbolik bagi dinding Janda Hias dan Ria adalah melembangkan lam Alif dalam pengetahuan ketuhanan walaupun hakikatnya adalah zat Allah yang menjelma dua sifat iaitu jalal-jamal bagi konteks nama quyyum (membangun).



Gambar Rajah 2.3.3 Dinding Janda Hias dan Janda Ria

## 5. Atap Singgora

Penulisan bertajuk ‘Preservation of Malay singgora Roof’ oleh Zulkarnaian Hassan (2012) menjelaskan tentang Sejarah dan proses pembuatan atap singgora, beliau juga turut menyentuh berakaitan dengan jenis-jenis seni bina yang menggunakan atap singgora di negeri Kelantan dan Terengganu.

Penggunaan bagi atap singgora bagi negeri Kelantan , Terengganu dan Thailand bagi rumah kediaman ,masjid ,wakaf, istana dan lain-lain paling popular disebabkan oleh keunikan atap singgora. Tetapi pembuatan hampir sama sahaja dan hanya berbeza saiz dan bentuk sahaja . selain itu juga, atap genting dimaksudkan adalah atap singgora yang dipanggil sebagai ‘kra buang songkla’ oleh Plodpleang(2001)

Atap genting yang berbentuk bunga dan bertam dikatakan lebih baik darisegi kualiti ,tebal, dan kukuh disebabkan oleh datang dari Negara Cina. Atap singora begitu abnyak didunia yang dari pelbagai jenis tetapi masih ada perbezaaan dan keunikan atap singgora. Seperti gambar rajah dibawah:-



Gambar Rajah 2.3.4 Atap Singgora Kelantan

## 2.4 Rumusan Bab

Rumusan yang dapat dilakukan bagi bab ini adalah berkaitan dengan bagaimana mengenal pasti akan berkaitan dengan reka bentuk bangunan, bahan yang digunakan, dan jenis-jenis corak atau jenis ukiran yang akan dilakukan semasa melakukan kerja lapangan di Masjid Lama Kedai Mulong. Bab ini juga mendedahkan berkaitan dengan istilah mahupun nama komponen yang ada di bahagian-bahagian yang mungkin ada di Masjid Lama Kedai Mulong.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat metodologi membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Maksud lain metodologi ialah kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, rentak, corak dan sistem. Metodologi juga bermaksud ilmu tentang metode atau disiplin yang digunakan semasa melakukan kajian tertentu untuk mencapai tujuan tertentu.

Metodologi kajian adalah satu keadah yang digunakan dalam pengumpulan data bagi menganalisis berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan bagi mendapat bukti-bukti yang menjawab objektif sebuah kajian yang dijalankan. Metodologi juga satu penyelesaian masalah kajian dimana merancang langkah-langkah apa sahaja berkaitan rapat dengan kajian yang ingin dilakukan. Metodologi ini adalah satu tujuan untuk membuktikan sesuatu maklumat secara terperinci dengan langkah yang bentuk ditambahkan lagi dengan teknik-teknik kajian yang dapat mendatangkan hasil yang terbaik.

Seterusnya, di dalam metodologi mempunyai bebepa langkah yang dapat dilakukan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci bagi memudahkan pencarian maklumat akan kajian iaitu pendekatan kualitatif atau kuatitatif bagi membantu kajian yang ingin dijalankan. Kedua-dua pendekatan ini mempunyai pembezaan daripada pengumpulan data bagi membantu kajian dilakukan.

### **3.1 Pendekatan kajian**

Pendekatan kajian amatlah penting untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menjawab objektif dalam kajian yang berkaitan dengan seni bina Masjid Lama Kedai Mulong. Kajian ini telah menggunakan kajian pendekatan kualitatif sebagai cara untuk pengumpulan data bagi memudahkan kerja-kerja lapangan untuk mendapatkan data lebih mudah.


Langkah-langkah yang dapat dilakukan dalam pengumpulan data adalah melalui beberapa cara bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat iaitu dengan melihat kajian lepas untuk mendapatkan maklumat awal sebelum mendapatkan maklumat secara fizikal iaitu turun untuk membuat kerja lapangan di lokasi kajian iaitu Masjid Lama Kedai Mulong bagi menjawab ketiga-tiga objektif kajian dimana objektif menjadi persoalan adalah maklumat yang didapati akan terjawab atau tidak.



### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian (Kelingier 1970), selain itu, Menurut othman 2001 dalam hamidah 2007 menyatakan bahawa rekabentuk kajian yang dipilih iaitu dari segi maksud rekabentuk dengan merujuk pelbagai sumber dan bagaimana rekabentuk sesuai untuk menjawab objektif persoalan hypothesis kajian.

Reka bentuk kajian ini dilakukan bertujuan untuk memudahkan penyelidik membuat gambaran perjalanan bagi melakukan kajian yang berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong yang dapat menjawab objektif di dalam kajian ini. Penyelidik telah merangka perjalanan dari awal kajian iaitu keadah kualitatif sehingga dapatan kajian seperti Rajah 3.1



Rajah 3.1 Carta Aliran Metodologi Kajian

### 3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah Kualitatif adalah satu kajian yang lebih menekankan kepada penghasilan makna yang bergantung kepada fakta dan rahah,ujian dan persampelin seting dan subjek kajian mengikut Brown dan Dowling (1998). Pendekatan kualitatif merupakan satu kaedah penyelidikan bertujuan mencari adalah penyelesaian, yang mana ia merupakan suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu kesatuan sistem, sama ada yang berbentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu (Nana, 2005)

Kaedah kualitatif digunakan bagi mendapatkan maklumat secara tepat dengan menggunakan beberapa keadah yang berkesan bagi mengumpulkan data bagi menjawab objektif kajian. Antara langkah dapat dibuat adalah melalui temu bual dan keadah pemerhatian ke atas seni bina masjid dengan mengambil beberapa bukti iaitu gambar sebagai rujukan dalam kajian ini.

### 3.3 Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan masjid Lama Kedai Mulong dengan cara melakukan beberapa proses. Sesebuah kajian sangat memerlukan pengumpulan data bagi menyelesaikan kajian dan pengumpulan data amatlah penting dalam sesebuah kajian bagi menjawab objektif kajian. Ada

beberapa kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah menggunakan dua kaedah iaitu menggunakan pengumpulan data primer dan data sekunder.

### **3.4 Instrumen kajian**

Instrumen kajian ini adalah satu alat yang digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat dalam sesebuah kajian yang dilakukan bagi menjawab objektif di dalam satu kajian yang dilakukan. Penggunaan instrument sangat membantu bagi sebuah kajian yang dilakukan kerana penggunaannya dapat memudahkan penyelidik membuat dan menyelesaikan sebuah kajian dengan baik.

#### **3.4.1 Data Primer**

Penggunaan data primer digunakan semasa melakukan kerja-kerja lapangan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dilakukan dan untuk menjawab objektif kajian. Penyelidik telah menggunakan dua cara dalam data primer bagi mendapatkan maklumat iaitu pemerhatian dan temu bual kerana cara ini adalah paling sesuai bagi kajian berkaitan dengan masjid Lama Kedai Mulong.

##### **3.4.1.1 Temu Bual**

Kaedah temu bual telah digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong bagi menjawab objektif. Temu bual ini mentargetkan seseorang individu yang pakar dalam seni bina atau seseorang yang tahu seni bina dan sejarah Masjid Lama Kedai Mulong kerana bukan semua individu yang mengetahui berkaitan Masjid Lama Kedai Mulong. Kaedah ini digunakan pada objektif ketiga.

#### **3.4.1.2 Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian juga digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat untuk menjawab objektif disebabkan oleh kaedah ini dapat menjawab objektif satu dan dua. Objektif satu paling sesuai untuk menggunakan kaedah ini kerana objektif satu berkaitan dengan ciri-ciri seni bina masjid dari jenis tapak masjid sehingga jenis bumbung. Selain itu juga, kaedah ini juga dapat digunakan bagi menjawab objektif kedua berkaitan perubahan yang berlaku sebelum semasa dan selepas Masjid Lama Kedai Mulong dari sebagai balai rong kepada masjid dan selepas konservasi dilakukan.

#### **3.4.2 Data Sekunder**

Sesebuah kajian yang dilakukan mastilah mempunyai kajian data sekunder bagi mandapatkan maklumat awal berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan kerana

pencarian data atau maklumat awal sangat membantu didalam sesebuah kajian. Kajian sekunder juga juga tidak dikatakan seratus peratus tepat dengan kajian dilakukan tetapi boleh dijadikan contoh bagi labgkah-langkah bagi menjalankan kajian. Pengumpulan data sekunder terdiri daripada kajian ke pustakaan, jurnal dan lain-lain.

#### **3.4.2.1 Kajian Ke Pepustakaan**

Pengumpulan data juga dilakukan di pepustakaan bagi mendapatkan maklumat yang boleh dikaitkan dengan kajian yang ingin dilakukan kerana banyak buku-buku yang boleh dijadikan sebagai rujukan kajian. Pengumpulan data dari pepustakaan banyak membantu dari segi mendapatkan maklumat berkaitan dengan seni bina di Malaysia dari pembuatan tapak sehingga siap satu bangunan dan lagi sejarah-sejarah bangunan lama yang sedikit sebanyak membantu dalam kajian ini.

#### **3.4.2.2 Kajian Dari Internet**

Maklumat dari internet juga sangat membantu di dalam kajian ini dimana penyelidik dapat mencari maklumat akan berkaitan dengan kajian yang dilakukan kerana pencarian di dalam internet sangat mudah untuk mendapatkan maklumat. Penggunaan internet juga banyak membantu dari segi mencari kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang ingim dilakukan dari segi seni bina bangunan di Malaysia dan maklumat lain yang berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong.

### **3.4.2.3 Kajian Jurnal**

Kajian jurnal juga dilakukan didalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat akan seni bina banguna di Malaysia dan maklumat yang berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong dengan kajian keatas artikel-artikel yang lepas. Kajian jurnal sangat membantu dalam mencari maklumat akan kajian yang ingin dilakukan kerana banyak artikel yang memveritakan akan berkaitan dengan bangunan-bangunan lama dan seni bina masjid tetapi tidak banyak artikel yang dijumpai berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong.

### **3.4.2.4 Kajian Tesis**

Kajian tesis juga dilakukan di dalam kajian kerana ada beberapa tesis dapat dijadikan rujukan bagi memudahkan langkah merancang bagaimanakan kajian ini harus dilakukan walaupun tesis yang didapati tidak berkaitan sangat dengan kajian yang ingin dilakukan tetapi membantu penyelidik dalam kajian ini

### **3.4.2.5 Kajian Gambar dan Rakaman Video**

Kaedah pengambilan gambar dalam kajian ini digunakan disebabkan oleh untuk mengumpulkan bukti-bukti yang berkaitan dengan seni bina Masjid Lama Kedai Mulong dari segi perubahan yang berlaku sebelum konservasi sehingga sesudah konservasi ke atas masjid, adanya bukti-bukti ini akan lebih menguatkan kajian ini akan seni bina Masjid Lama Kedai Mulong. Selain itu, penggunaan rakaman video juga digunakan sebagai bukti dan rujukan kepada penyelidik bagi menguatkan lagi kajian ini berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulon

### **3.5 Kaedah Analisis data**

Menurut Sugiyono (2010: 335), analisis data yang dimaksud adalah satu proses mencari data, menyusun data secara sistematis seperti data yang diperoleh dari hasil wawancara, catatan lapangan, dan dokumentasi, dengan caramengorganisasikan data ke dalam kategori, menjabarkan ke dalam unit-unit, melakukan sintesis, menyusun ke dalam pola memilih mana yang penting danyang akan dipelajari, dan membuat kesimpulan sehingga mudah dipahami oleh diri sendiri maupun orang lain.

Pengumpulan data ini lebih dikaitkan dengan bagaimana penyelidik memanalisis data yang didapati untuk digunakan di dalam kajian. Data yang didapati akan disusun dengan sistematik dan data yang dikumpul akan dianalisis adalah menjawab objektif di dalam kajian yang dilakukan.



Objetif kajian	Kaedah Kajian	Instrument kajian	Kaedah Analisis
1.Mengetahui ciri-ciri seni bina Masjid Lama Mulong.	1.Kaedah Pemerhatian	1.Buku Catatan bagi mencatat maklumat 2. Kamera untuk mengambil gambar	Data dikumpul melalui pemerhatian akan dicatatkan dan data akan disusun dengan bahagian-bahagian reka bentuk masjid
2. Mengenalpasti kerja-kerja pemuliharaan ke atas Masjid Lama Kedai Mulong.	1.Pemerhatian l 2.Analisis dokumen	1.Sumber data sekunder(laporan akhir berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong dari Jabatan Warisan Negara) 2.kamera 3.buku catatan	1.Analisis bertema 2.Analisis kandungan laporan akhir pemuliharaan masjid lama Kedai Mulong
3. Menyiasat perubahan yang berlaku keatas reka bentuk Masjid Lama Kedai Mulong.	1.Kaedah Temu Bual 2.Analisis Dokumen	1.Buku catatan 2. Kamera 3.sumber data sekunder(Laporan Akhir)	1.Analisis bertema 2. Analisis kandungan

		4. Soalan temu Bual	laporan akhir pemuliharaan masjid lama Kedai Mulong
--	--	---------------------	--

Jadual 3.2: Kaedah Analisis Data

### 3.6 Rumusan Bab

Kesimpulannya, keadah metodolgi amatlah berguna di dalam sesebuah kajian dimana banyak membantu penyelidik menyelesaikan masalah dalam pengumpulan data dimana data dapat disusun dengan teratur dan sistematik. Selain itu juga, cara perolehan data juga teratur dan sistematik kerana data yang didapati akan menjawab objektif kajian. Pengumpulan data dengan menggunakan keadah metodologi membantu penyelidik menyiapkan kajian berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong dengan baik dan data yang diperolehi adalah bukti–bukti kukuh dan asli bagi mempekuatkan kajian ini.

Penggunaan Metodologi ini dapat analisis data dengan cara yang betul dan cara perolehan data juga diatur dengan teliti mengikut keadah yang ada di dalam metodologi kajian seperti langkah bagaimana kaedah untuk mendapatkan data iaitu melalui kajian primer dan sekunder selepas itu bagaimana memanalisis data yang diperolehi untuk dimasukkan di dalam laporan bagi menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti dan berguna kepada individu, masyarkat dan Negara.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Mengetahui ciri-ciri seni bina Masjid Lama Kedai Mulong.**

Kajian yang telah dilakukan bagi menjawab objektif pertama melalui langkah pemerhatian ke atas Masjid Lama Kedai Mulong dari bahagian bumbung sehingga tapak telah dicatat. Data yang dikumpul telah bahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bahagian bumbung, badan masjid, dan bahagian tapak masjid.

##### **4.1.1 Bahagian Bumbung.**

###### **I. Atap Singgora**

Negeri Pantai Timur memang terkenal dengan penggunaan atap singgora dimana tidak dapat di kawasan lain dan atap jenis singgora ini istimewa berbanding dengan atap-atap yang digunakan di Malaysia kerana keunitkan atap singgora ini pembuatan yang istimewa yang menggunakan cara lama dan proses pembuatan juga lama berbanding jenis-jenis atap lain.

Sejarah dan pembuatan atap singgora yang digunakan pada Masjid Lama Kedai Mulong, atap singgora dibawa masuk dari singgora( Songkhla) iaitu sebuah wilayah di Segenting Kra, Selatan Thailand. Atap singgora ini mula terkena di negeri Kelantan dan Terengganu sebelum negeri Pahang walaupun tidak terkenal sangat. Pembuatan atap singgora tidak terlalu susah tetapi mengambil masa yang lama berbanding jenis atap-atap moden. Cara pembuatan atap singgora ini menggunakan acuan kayu iaitu dengan menggunakan teknik memijak bagi memadatkan tanah pada acuan tetapi pekerja yang melakukan memadatkan akan menggunakan kedua-dua tangan dan kaki. Bagi menghasilkan sekeping singgora yang berkualiti dan tahan lama dengan membakar selama 240 jam atau 10 hari iaitu dengan suhu 800 darjah celsius dan proses pengeringan pula juga mengambil masa bagi mendapat singgora yang tahan lama.

Semasa melakukan kerja di lapangan, Masjid Lama Kedai Mulong menggunakan jenis atap singgora kerana Masjid Lama Kedai Mulong ini adalah sebuah binaan Balai Rong kesultana menyebabkan penggunaan atap singgora menjadi pilihan berbanding jenis atap lain.



Gambar Rajah Atap Singgora

## II. Pemeleh

Sebuah rumah tradisional di negeri Kelantan akan menggunakan papan yang dibentukkan di bahagian bumbung yang dikenali sebagai pemeleh, pemeleh ini amatlah terkena di kelantan dan negeri-negeri lain yang menggunakan unsur-unsur seni bina rumah tradisional. Rumah-rumah yang menggunakan pemeleh di bahagian tepi bumbung juga bertujuan melindungi bahagian tepi kemasukan hujan ke dalam rumah.

Pemeleh ini mempunyai sejarah tersendiri dimana bentuk pemeleh berasal daripada bentuk manusia iaitu bahagian kiri dan kanan bentuk pemeleh adalah daripada tangan manusia dan bahagian atas pemeleh adalah kepala manusia. Selain itu juga pemeleh ini melambang agama islam. Pemeleh juga banyak jenis yang

mempunyai bentuk yang berbeza walaupun bentuk asas masih sama kerana pengaruh setempat dan budaya seperti naga ular, makara, selewang dan lain-lain.

Semasa melakukan kerja lapangan di Masjid Lama Kedai Mulong dengan menggunakan kaedah pemerhatian mendapati bahawa masjid ini juga mempunyai pemelah kerana masjid ini adalah sebuah balai rong bagi klesultanan Kelantan, pemerhatian yang dilakukan mendapati bahawa pemelah yang digunakan adalah pemelah yang berbentuk kelewang disebabkan bentuknya sama dengan selewang berbanding bentuk lain.



Gambar Rajah Pemelah

MALAYSIA  
KELANTAN

### III. Tebar Layar Kiasan Matahari

Penggunaan tiba layar bagi sebuah rumah tradisional adalah sesuatu yang tidak asing lagi dimana kebanyakan rumah tradisional di Malaysia memang menggunakan tiba layar di bahagian sisi bumbung paling atas. Tiba layar mempunyai berbagai jenis dan corak tetapi bentuk bagi tiba layar rumah tradisional di Malaysia adalah berbentuk tiga segi. Corak dan jenis tiba layar ada mempengaruhi dari kawasan setempat, naik turun matahari dan pengaruh agama, antara tiba layar yang selalu dilihat adalah tiba layar kiasan matahari, ukiran tebuk, bumbung pisang sesikat

Fungsi tiba layar dan pengaruh bentuk tiba layar, tiba layar yang dibuat dan dipasang juga mempunyai fungsi tertentu kerana tiba layar ini buat dibuat untuk memcantikan rumah tradisional sahaja. Fungsi pertama adalah untuk menunjuk arah matahari naik dan arah matahari turun, selain itu juga bagi menunjuk arah utara dan selantan. Bagi mengetahui bagaimana menentukan arah matahari turun dan naik adalah tiba layar kiasan matahari, manakala untuk arah utara dan selantan adalah tiba layar ukiran tebuk atau bumbung pisang sesikat. Bagi maksud tiba layar yang bentuk tiga segi bagi tiba layar adalah Allah dan nabi Muhammad.

Semasa saya melakukan kerja lapangan yang dilakukan di Masjid Lama Kedai Mulong dengan menggunakan kaedah pemerhatian mendapati bahawa masjid ini menggunakan tiba layar. Bagi memastikan jenis tiba layar apa yang masjid ini menggunakan adalah dengan pemerhatian corak dan bentuk dengan merujuk gambar-



gambar jenis tiba layar yang ada di Malaysia. Selepas membuat pemerhatian mendapati bahawa tiba layar ini adalah jenis tiba layar kiasan matahari. Tiba layar kiasan matahari ini mempunyai dua bahagian depan dan belakang bagi menunjukkan arah matahari naik dan turun atau arah qiblat bagi umat islam.



Tiba Layar Kiasan Matahari

#### IV. Ekor Itik

Ekor itik ini adalah warisan yang diwarisi oleh golongan melayu Kelantan dahulu kepada seni bina sekarang yang mungkin tidak dijumpai dimana-mana kerana keunitkan ekor itik Kelantan yang dikatakan ada pengaruh siam. Perakara ini dinyatakan bahawa motif dan bentuk ekor itik di Kelantan ada persamaan dengan ekor itik di pattani.

Penggunaan ekor itik di negeri Kelantan bagi sebuah rumah tradional dan bangunan adalah satu perkara tidak asing lagi terutama pada masa kini. Tetapi masa

dahulu penggunaan ekor itik ini merupakan satu status bagi membezakan golongan iaitu hanya golongan bangsawan dan golongan raja sahaja yang mampu menggunakan ekor itik ini.

Maklumat yang dapat sewaktu melakukan kerja di lapangan mendapati bahawa Masjid Lama Kedai Mulong juga menggunakan ekor itik kerana dahulu masjid ini adalah sebuah balai yang digunakan oleh golongan raja Kelantan dahulu. Bentuk ekor itik yang digunakan jenis ekor itik yang biasa sahaja dimana berbentuk tajam dan ekor itik ini dapat dilihat di atas perabung bumbung.



Ekor Itik

## **V. Buah Buton**

Sebuah rumah atau bangunan tradisional kebanyakan menggunakan buah buton sebagai hiasan di dalam atau di luar sesebuah rumah atau bangunan tradisional. Penggunaan buah buton di Malaysia begitu meluas dimana banyak negeri-negeri yang ada di Malaysia menggunakan buah buton. Bentuk dan saiz mengikut negeri yang ada di Malaysia mempunyai perbezaan terutama bentuk buah buton. Sebagai contoh buah

buton di Kelantan dan Terengganu juga berbeza dari bentuk iaitu kebanyakan rumah atau bangunan tradisional di Kelantan menggunakan jenis buah buton yang berbentuk bulat manakala Terengganu pula menggunakan berbentuk empat segi dan panjang.

Kelantan popular dengan penggunaan buah buton berbentuk bulat dan empat segi tetapi pendek. Mengikut beberapa fakta mengatakan bahawa buah buton di Kelantan di pengaruhi oleh pengaruh siam kerana Kelantan sempadan dengan siam dan Kelantan juga pernah di jajah oleh siam. Fungsi buah buton adalah sebagai penanda kepala rumah atau tiang di sesebuah rumah atau bangunan.

Kajian di lapangan mendapati bahawa Masjid Lama Kedai Mulong juga menggunakan buah buton sebagai kepala dan hiasan di hujung tiang yang digantung di dalam Masjid. Bentuk buah buton masjid ini menggunakan berbentuk empat segi dan pendek sahaja kerana digunakan di dalam masjid. Keunikan buah buton Masjid Lama Kedai Mulong adalah ukiran atau corak yang ada di sekeliling buah buton itu sendiri dimana dapat dilihat dari jarak dekat ada satu corak yang berwarna emas dan corak pula sejenis lukisan mural berkerawang air emas. Bilangan buah buton bagi masjid adalah sebanyak 8.



Buah Buton

## VI. Rangka Bumbung

Sebuah rumah terdisional penggunaan bumbung memainkan peranan yang besar dimana menggambarkan rumah itu adalah sebuah rumah tradisional kerana penggunaan rangka dalaman dahulu berbeza dan mempunyai keunikan tersendiri, Bagi bahagian bumbung iaitu bahagian-bahagian kecil yang digunakan bagi menjadikan sebuah bumbung dan jenis bumbung bagi Masjid Lama Kedai Mulong yang digunakan akan diterangkan.

Jenis bumbung yang digunakan adalah jenis bumbung panjang. Bumbung panjang ini adalah gabungan di antara 2 bumbung pisang sesikat. Penggunaan bahan lain pada bahagian bumbung seperti kekuda, kayu tunjuk langit, kayu tutup tiang

dalam, kayu batten, dan kayu kasau jantan bumbung yang digunakan di Masjid Lama Kedai Mulong..



Bahagian Bumbung

#### **4.1.2 Bahagian Badan Masjid**

##### **I. Dinding Janda Berhias**

Pada zaman dahulu penggunaan dinding yang mempunyai bentuk atau dikenali sebagai dinding janda hias ini adalah perkara yang membezakan golongan atas dan

golongan bawah. Dinding janda hias ini berbeza mengikut kawasan dimana dinding janda hias Terengganu berbeza dengan dinding janda hias di Kelantan dari segi bentuk atau rupa janda hias itu sendiri dan bentuk juga dipengaruhi oleh kawasan setempat.

Dinding janda hias yang ada di Kelantan juga mempunyai bentuk yang menarik dari segi rupa kerana dinding janda hias Kelantan mempunyai bentuk yang menekankan dibahagian susunan bahagian menentukan dimana berada pintu dan tingkap dimana dapat membezakan bahagian-bahagian tertentu. Bentuk dinding janda hias dipengaruhi oleh penggunaan perkataan Alif dan Ba asal bentuk dinding sebelum ditukar kepada janda hias. Dinding janda hias ini juga ada yang memasuki lukisan mural sebagai memcantikan lagi dinding sebagai dinding janda hias.

Pemerhatian yang dilakukan semasa di lapangan mendapati bahawa dinding janda hias yang ada di Masjid Lama Kedai Mulong mempunyai keunikan tersendiri berbanding dengan dinding janda berhias yang ada di Kelantan. Pertama adalah bentuk yang berbeza dengan dinding-dinding lain.



Dinding Janda Berhias

kedua adalah dinding janda hias ini mempunyai lukisan mural yang berwarna emas mungkin tidak dijumpai dikawasan lain. Lukisan mural hanya ada di dalam masjid sahaja dimana lukisan itu dilukis di bahagian panel atas, panel tengah dan panel paling bawah.




Lukisan Mural Pada Panel

## II. Panel Kerawang Jejala

Rumah tradisional di Kelantan banyak menggunakan panel kerawang bagi sistem perudaraan kerana untuk menyejukkan lagi rumah terutama balai-balai rung istana yang tidak mempunyai tingkap. Panel-panel kerawang ini mempunyai pebagai bentuk dan ukiran bagi memcantikan sesebuah panel kerawang jejala. Setiap panel yang ada di Kelantan berbeza bentuk dan rupa ukiran kerana pengaruh setempat dan pengaruh dari luar yang memainkan peranan dalam terhasilnya sebuah ukiran panel kerawang jejala bagi sesebuah rumah atau bangunan. Panel-panel ini juga dibuat ukiran untuk memcantikan lagi sebuah rumah tradisional dengan bentuk-bentuk yang menarik.

Maklumat yang didapati semasa melakukan kerja lapangan di Masjid Lama Kedai Mulong mendapati masjid ini juga menggunakan penal Kerawang Jejala di bahagian atas dinding janda hias. Panel kerawang ini dibuuh pada masjid ini kerana masjid ini dahulu adalah sebuah bangunan balai rung seri raja Kelantan ketika dahulu. Bentuk yang dibuuh juga menarik minat dengan mempunyai pengaruh yang bukan dari kelantan atau tanah melayu kerana bentuknya hampir merupai bentuk yang digunakan di rumah lama golongan china.

Pengaruh dari cina bukan sesuatu yang agar mustahil kerana tanah melayu adalah satu tempat perdagangan ketika dahulu yang menjadi tempat tumpuan dari perdagan cina. Pengaruh yang dibawa oleh perdagan cina meninggalkan kesan keatas seni bina rumah tradisional di Kelantan kerana ada beberapa bangunan dan rumah mempunyai bentuk atau corak yang merupai bentuk yang ada di negara China. Perkara ini dinyatakan kerana penal kerawang jejala ini hampir merupai bentuk di negara China.



Penal Kerawang Jejala



### III. Bendul

Penggunaan bendul bagi sebuah tradisional atau rumah melayu merupakan sesuatu yang tidak perlu diperkatakan lagi kerana penggunaan bendul bagi sebuah terkenal di seluruh tanah melayu ketika dahulu terutama golongan atasan. Penggunaan bendul ini bergitu popular bagi penggunaan bagi sebuah bangunan bagi menaikkan seri rumah tersebut, terutama rumah-rumah jenis kayu walaupun sekarang rumah yang menggunakan simen juga menggunakan bendul.

Data yang didapati semasa melakukan kerja-kerja pemerhatian di Masjid Lama Kedai Mulong mendapati bahawa masjid ini menggunakan bendul. Semasa pemerhatian penggunaan bendul ini dapat dilihat dari jauh lagi dimana bendul ini mewujudkan lagi seri rumah sebagai rumah tradisional ataupun masjid. Penggunaan bendul bagi masjid ini adalah di bahagian bawah ataupun setara dengan lantai dan bendul ini mengelilingi seluruh Masjid Lama Kedai Mulong.



Bendul

#### IV. Tiang Asas

Penggunaan tiang bagi Masjid Lama Kedai Mulong sebagai asas bagi sebuah bangunan, semasa melakukan pemerhatian terhadap masjid mendapati bahawa masjid ini menggunakan tiang di bahagian tepi sahaja berbanding rumah-rumah lain. Keunitkan masjid ini adalah masjid ini menggunakan kaedah bumbung tergantung hanya bergantung pada tiang asas di bahagian tepi sahaja. Bilangan tiang bagi Masjid Lama Kedai Mulong adalah sebanyak 16 tiang.

Tiang masjid ini juga bukan sahaja tiang semata-mata dimana tiang-tiang ini dihiasi dengan ukiran yang menarik kerana masjid ini adalah sebuah balai rung seri raja Kelantan ketika dahulu. Ukiran yang ada di tiang adalah bermotifkan dari bentuk flora. Ukiran ada setiap tiang yang ada di dalam masjid dan posisi adalah dibahagian bawah dan atas tiang.



Corak Pada Tiang

## V. Tingkap

Penggunaan tingkap bagi bagi sesebuah rumah tadisional adalah satu kepentingan kerana tingkap ini berfungsi sebagai perudaraan bagi sebuah rumah pada dahulu mahupun pada masa kini dan Masjid Lama Kedai Mulong juga adalah sebuah bangunan yang menggunakan tingkap walaupun dahulu masjid atau balai rung tidak mempunyai tingkap sebenarnya. Semasa melakukan pemerhatian di masjid mendapati bahawa masjid ini menggunakan tingkap sebanyak 8 sahaja yang ada sisi kiri dan kanan.



Tingkap

## **VI. Cermin**

Masjid Lama Kedai Mulong juga menggunakan cermin di bahagian kiri dan kanan pada dinding masjid untuk sistem percahayaan bagi mencerahkan masjid pada waktu siang. Semasa melakukan pemerhatian kedudukan cermin ini begitu menarik kerana cermin di susun bantul di bahagian tepi tingkap yang lagi menarik kecantikan masjid ini. Bilangan bagi penggunaan Masjid Lama Kedai Mulong adalah sebanyak 4 cermin sahaja.

## **VII.Pintu**

Penggunaan pintu pula bagi Masjid Lama Kedai Mulong adalah pintu yang biasa sahaja dimana pintu ini sisi kiri dan kanan dan pintu utama berada di hadapan. Pintu kiri dan kanan adalah jenis pintu yang tiada corak berbanding pintu hadapan yang mempunyai bentuk seperti bentuk di dinding janda hias. Kedudukan pintu kanan adalah hampir dengan dinding paling depan manakala pintu sisi kiri berada hampir tengah masjid.



Pintu Hadapan

### 4.1.3 Bahagian Tapak Masjid

#### I. Tiang Sokongan Lantai

Penggunaan tiang bawah atau tiang tapak bagi Masjid Lama Kedai Mulong begitu banyak bilangan kerana tiang untuk tapak berfungsi sebagai penahan untuk menampung bahagian atas seperti badan masjid dan kerangka bumbung agar masjid mudah tergoyang atau runtuh. Penggunaan tiang ini disambung dengan rangka utama masjid hanya menggunakan 8 tiang sahaja yang bersambung dengan tiang asa masjid dan manakala tiang 40 lagi untuk menampung lantai dan beban yang lain.

Maklumat yang dapat sewaktu melakukan pemerhatian iaitu tiang ini menggunakan cara penyambungan tanpa menggunakan paku dengan cara sambungan tanggam kerana pada zaman dahulu penggunaan paku masih tiada, penyambungan

menggunakan teknik tanggam dapat dilihat dibahagian sambungan rangka badan masjid dengan tiang bawah dan tiang bawah ke tiang bawah.



Teknik Tanggam

## II. Pelapik Tiang

Data yang dapat semasa melakukan kerja lapangan di Masjid Lama Kedai Mulong mendapati bahawa masjid ini menggunakan pelapik tiang bagi menyokong beban masjid kerana badan yang datang dari berat masjid akan dapat ditampung oleh pelapik tiang ini agar masjid akan berada keadaan baik iaitu masjid tidak senget atau tiang tenggelam dalam tanah. Pelapik ini digunakan di setiap tiang yang ada dibawah.



Pelapik Tiang

### III. Tangga Masjid

Tangga bagi rumah tradisional di tanah Melayu mempunyai satu keistimewaan dimana dapat dibezakan dengan tangga-tangga di tempat lain kerana rumah tradisional di tanah Melayu jika langkah kanan untuk menaiki tangga maka penghujung langkah anak tangga adalah kanan juga kerana ini tangga rumah tradisional di tanah Melayu berbeza dengan tangga di tempat lain.

Data yang dapat sewaktu melakukan kerja lapangan di masjid mendapati masjid menggunakan jenis tangga kayu dan tangga ini juga menggunakan jenis tangga yang memulakan langkah dari kanan dan habis langkah di kanan juga. Masjid Lama Kedai Mulong ini mempunyai 3 tangga iaitu di sisi kanan dan kiri sebagai tangga sisi masjid manakala tangga di hadapan adalah tangga utama.



Tangga Hadapan





## **4.2 Mengenalpasti kerja-kerja pemuliharaan ke atas Masjid Lama Kedai Mulong.**





Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk menjawab bagaimanakah kerja-kerja konservasi dilakukan selepas Balai Rung Seri Raja Dewa diubahsuai menjadi masjid selepas dipindah dari Kota Bharu ke Kampung Mulong ketika dahulu. Perpindahan ini dilakukan oleh penduduk kampung setempat dengan cara bergotong royong. Kajian ini menggunakan kaedah secara analisis dokumen dari Jabatan Warisan Negera(JWN) dan juga maklumat dari kajian lain memkuatkan kajian dapatan maklumat berkaitan dengan konservasi ke atas Masjid LamaKedai MULong.





Koservasi ke atas Masjis Lama Kedai Mulong ini telah lebih awal daripada 2008 secara perancangan yang apa diinginkan oleh pihak Jabatan Warisan Negera(JWN). Proses konservasi ke atas masjid ini dilakukan pada 21 oktober 2008 oleh pihak yang terlibat dalam bidang konservasi tetapi pihakl Jabatan Warisan Negera telah meletak kepercayaan kepada sebuah syarikat kontrator bagi melakukan konservasi ke atas Masjid Lama Kedai Mulong iaitu Rekajati Arkitek. Penjalanan konservasi ke atas Masjid Lama Kedai Mulong adalah seperti di bawah.









Bil	Konservasi Yang Di Jalankan	Tujuan	Gambar Rujukan
1	Mengenal pasti jenis kayu	-Langkah ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis kayu supaya kayu yang diganti adalah jenis kayu yang sama dan mendapat keaslian binaan tersebut	
2	Merobohan bahagian tangga dan tempat Wuduk	-Perobohan ini bertujuan untuk membuang bahagian tambahan pada masjid dan memudahkan kerja-kerja pemindahan masjid.	
3	Merobohan bahagian tandas lelaki dan perempuan	-Tujuan dilakukan adalah membuang bahagian tambahan yang bersambung dengan masjid dan memudahkan kerja pemindahan masjid.	

4	Perobohan bahagian mehrab	-Tujuan merohkan mehrab ini kerana bahagian ini adalah bahagian tamabahan pada masjid dan memudahkan kerja pemindahna yang akan dilakukan nanti.	
5	Perobohan bahagian Anjung	-Tujuan adalah memudahkan kerja pemindahan dan bahagian ini adalah bahagian tambahan.	
6	Pemasangan kayu Penyokong	-Tujuan adalah memperkuat lagi struktur bahagian bumbung nanti melakukan kerja pemindahan masjid.	
7	Kerja-kerja pemindahan Masjid	-Permindahan dilakukan bertujuan untuk menjarakkan masjid dengan jalan raya kerana kedudukan yang terlalu dekat.	

8	Pembaikpulih pada tiang penyokong	-Tujuan membaiki tiang yang lama dan memperkuat lagi bahagian bawah bagi menahan beban.	
9	Pemasangan Pelapik Tapak	-Pemasangan ini bertujuan untuk menahan masjid daripada tergelang ke dalam tanah.	
10	Pembuangan ardex pada Bumbung	-Tujuan untuk menggantikan dengan atap singgora bagi mendapat keaslian balai rung	
11	Pembuangan kayu batter rosak	-Pembuangan dan pengantian kayu batter yang rosak bertujuan untuk memudahkan pemasangan atap singgora	

12	Pemasangan kayu baru batter	-Pemasangan ini bertujuan untuk memudahkan pemasangan atap singgora yang akan dipasang	
13	Pemasangan atap singgora	-Pemasangan atap singgora yang menggantikan penggunaan ardex yang dipasang oleh penduduk kampung.	
14	Pemasangan pemeleh	-Pemasangan Pemeleh bertujuan untuk menampakkan lagi masjid ini sebagai balai rung dan bentuk asal balai rung.	
15	Pemasangan tebar Layar Kiasan Matahari	-Tujuan untuk menggambarkan balai rung ketika dahulu sebelum diubah oleh penduduk kampung.	

16	Pemasangan Ekor Itik	-Pemasangan ini bertujuan menampakkan ini adalah sebuah balai rung dan bentuk asal bumbung balai rung dahulu.	
17	Pembuangan siling asbestos	-Pembuangan siling ini dilakukan bertujuan memwujudkan keaslian balai rung dahulu sebelum dipasang siling oleh penduduk kampung bertujuan untuk menutup bahagian bumbung.	
18	Pemasangan Buah Buton	-Pemasangan buah Buton dilakukan selepas buah buton siap di konservasi kerana penduduk kampung mengecat buah buton.	
19	Pemasangan bahagian anjung	-Pemasangan bahagian anjung adalah bahagian tambahan pada masjid	

		bertujuan untuk memcantikkan lagi dan sebagai peneduh bahagian hadapan.	
20	Konservasi di bahagian tingkap dan pintu	-Pertambahan tingkap bertujuan untuk membenarkan percahayaan ke dalam masjid, manakala pintu pula konsepasi pembuangan cat bagi mendapatkan keaslian pintu balai rung.	
21	konservasi pada bahagian dinding dan jejala	-Konservasi ini dilakukan bertujuan membuang cat pada dinding dan menukar kembali panel kerawang Jejala.	
22	Membaikpulih bahagian tiang	-Langkah ini dilakukan bertujuan membaikpulih kembali tiang asas yang telah rosak menjadi sediakala dan kerja-kerja	

		membuang cat pad tiang.	
23	Kerja menganti bahagian bendul	-Konservasi ini dilakukan bertujuan untuk menganti bahagian yang rosak pada bendul pada masjid.	
24	Pemasangan tangga hadapan dan sisi	-Pemasangan tangga pada 3 bahagian dilakukan bermula kiri,kanan dan tangga hadapan.	
25	Pembinaan bahagian tambahan tandas dan tempat wuduk	-Pembinaan bahagian tandas dan wuduk adalah bertujuan memberi kemudahan kepada penduduk dan masyarakat luas yang datang untuk solat dan lain-lain.	



### **4.3 Menyiasat perubahan yang berlaku keatas reka bentuk Masjid Lama Kedai Mulong.**




Bagi menjawab objektif yang ketiga adalah Menyiasat perubahan yang berlaku keatas reka bentuk Masjid Lama Kedai Mulong. keadah yang digunakan untuk objektif ini adalah kaedah temubual dan analisis dakumen dari Jabatan Warisan Negara. objektif ini bertujuan untuk mencari tahu apa yang telah berlaku sewaktu balai rung diubah menjadi masjid oleh penduduk kampung Mulong ketika dahulu





Temu bual ini dilakukan secara online bersama seseorang individu yang mempunyai jawatan di dalam Jabatan Warisan Negara iaitu Encik MOHD RISHAM BIN MOHD RAWI pembantu muzium di Jabatan Warisan Negara(JWN) kerana Maklumat yang dapat sewaktu melakukan temubual bersama Encik MOHD RISHAM begitu membantu menjawab objektif ini dimana kerana beliau juga mempunyai maklumat berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong dari balai rung diubah menjadi masjid dan diubah kembali sebagai balai rung



Maklumat yang dikumpul melalui temubual bersama Encik MOHD RISHAM mendapati bahawa perubahan yang berlaku kepada balai rung ini berlaku secara beperingkat yang bermula pada blai rung dipindah dari Kota Bharu ke kampung Mulong sehingga dikonservasi oleh pihak Jabatan Warisan Negara(JWN).



Bil	Perubahan Dan Peningkatan	Tujuan	Gambar Rujukan
1	Perubahan yang berlaku adalah peningkatan bahagian atap iaitu atap ditukar dengan menggunakan ardex	-Tujuan dilakukan oleh penduduk disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielak kerana pemindahan yang dilakukan bukan dari jarak yang dekat faktor lain pula harga menggunakan ardex lebih murah, dan lebih mempercepatkan masa pembinaan masjid.	
2	Penambahan anjung, mehrad pada balai rung, dan tangga simen	-Penduduk kampung mulong telah menambahkan bahagian tersebut kerana balai rung ingin dijadikan sebagai tempat solat dan bagian yang ditambah seperti mehrad bertujuan menjadi sebuah masjid	<p data-bbox="997 1279 1123 1308">1.Mehrad</p>  <p data-bbox="997 1854 1123 1883">2.Anjung</p>

		<p>-Manakala untuk anjung juga dibina bertujuan untuk peneduh bahagian hadapan.</p> <p>-Penduduk kampung Mulong juga menggunakan tangga simen mangantikan tangga yang asal bagi memudah penduduk kampung masuk ke dalam masjid.</p>	 <p>3. Tangga simen</p> 
<p>3</p>	<p>Penambahan tandas, tempat wuduk</p>	<p>-Penambahan tandas bagi lelaki dan perempuan yang bersambung dengan masjid bagi kemudahan penduduk.</p> <p>-Tempat wuduk juga dibina bersambung dengan masjid juga</p>	<p>1. Tandas</p>  <p>2. Tempat wuduk</p>

		<p>bagi memudahkan penduduk berwuduk dan naik ke masjid dengan mudah.</p>	
4	<p>Perubahan pada dinding iaitu dinding di cat, di tambah tingkap dan panel kerawang jejala diubah.</p>	<p>-Dinding pada balai rung juga di cat bagi memcantikkan dinding masjid yang dilakukan oleh penduduk kampung Mulong.</p> <p>-Balai rung juga ditambah tingkap oleh penduduk kampung bagi memudahkan pengaliran udara dan percahayaan ke dalam masjid.</p> <p>-Panel kerawang juga dibuat oleh penduduk kampung dengan mudah sahaja bagi pengaliran udara</p>	<p>1. Dinding</p>  <p>2. Tingkap</p>  <p>3. Panel Kerawang</p> 

5	<p>Perubahan pada bahagian dalam iaitu buah butan dicat, penggunaan siling.</p>	<p>-Penduduk kampung Mulong juga telah mengecat pada buah buton semasa melakukan aktiviti gotong-royong ketika dahulu bagi memcantikkan masjid.</p> <p>-Penduduk kampung Mulong juga memasang siling asbestos bagi menutupi bahagian bumbung.</p>	<p>1. Buah Buton</p>  <p>2. Siling Asbestos</p> 
---	---	---	--

#### 4.4 Rumusan Bab

Kesimpulannya, dapatan kajian yang telah dilakukan bagi menjawab objektif yang ingin dicari jawapan telah ditemui dengan menggunakan beberapa kaedah yang tepat. Maklumat yang dikumpul berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong yang dahulunya adalah sebuah Balai Rung Sei Dewa Raja Kelantan yang telah berlaku perubahan selepas dibeli oleh AJK kampung Mulong.

Kaedah yang digunakan bagi mendapat maklumat yang menjawab objektif pertama menggunakan kaedah pemerhatian yang dilakukan di masjid dengan melihat secara keseluruhan ciri-ciri yang bermula dari bahagian bumbung, badan masjid, dan tapak masjid yang mempunyai keunikan yang tersendiri kerana masjid ini adalah sebuah rumah tradisional negeri Kelantan.

Kaedah analisis data juga digunakan bagi menjawab objektif kedua yang berkaitan dengan konservasi yang dilakukan di Masjid Lama Kedai Mulong yang dilakukan oleh pihak Jabatan Warisan Negara(JWN) bagi mendapatkan keaslian balai rung seperti mula-mula dibina di Kota Bharu. Konservasi ini bermula dari mengenal pasti kayu sehingga membaik dan menukar kembali kepada rupa atau bentuk asal balai rung.

Kaedah temu bual juga digunakan bagi mendapatkan maklumat bagi menjawab objektif ketiga yang berkaitan dengan perubahan yang berlaku semasa perpindahan dari Kota Bharu ke kampung Mulong sehingga konservasi. Temu buah ini dilakukan bersama Encik MOHD RISHAM pembantu muzium Jabatan Warisan Negara. Maklumat yang didapati mengenai perubahan boleh dikatakan perubahan yang ketara kerana bentuk dan rupa diubah oleh penduduk kampung Mulong tetapi perubahan berlaku secara berperingkat.

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 Pendahuluan

Masjid Lama Kedai Mulong yang berada laluan antara Kota Bharu dengan Kuala Krai menjadi sebuah kajian yang menarik, Masjid ini ada sebuah masjid atau bangunan yang di antara tertua di Kelantan Selepas Masjid Kampung Laut, Masjid Lama Kedai Mulong ini juga terkenal di Malaysia kerana keunikan seni bina, dan sejarah masjid ini yang menarik. Keunikan dan sejarah masjid ini membawa kepada perbezaan dengan masjid lain yang ada di Malaysia.

Masjid Lama Kedai Mulong ini berlaku beberapa perubahan sebelum menjadi Masjid Lama Kedai Mulong seperti sekarang. Sejarah masjid ini bermula sewaktu zaman pemerintahan sultan Kelantan yang dahulu dimana masjid yang kita kenali ini bukan masjid sebenarnya dimana masjid ini adalah sebuah Balai Rung Seri Raja Dewa yang dahulu dibina di Kota Bharu yang sekarang ini telah menjadi tapak bangunan bagi parti UMNO. Pada zaman dahulu balai rung ini hanya digunakan oleh golongan raja dan setara dengan raja.

Pada tahun 1958 balai rung ini telah di sah sebagai Masjid di Kampung Mulong dimana Balai Rung ini telah dijual dan dibeli oleh Ahli Jawatankuasa(AJK)

Kampung Mulong dengan harga RM 1000 sahaja. Balai Rung Sei Raja Dewa ini mula dirobuhkan selepas dibeli oleh pihak Kampung Mulong. Balai ini dipindah dari Kota Bharu Ke Kampung Mulong dan siap di pasang pada 1958, semasa pembinaan di Kampung Mulong telah berlaku banyak perubahan ke atas Balai Rung Sei Raja Dewa ini kerana balai ini ingin dijadikan sebagai masjid dan pada 2009 Masjid Lama Kedai Mulong ini di Konservasi oleh pihak Jabatan Warisan Negara dan siap pada tahun 2009.

Keunikan Masjid Lama Kedai Mulong ini adalah berkaitan dengan seni bina masjid dimana seni bina masjid ini jarang dijumpai terutama bentuk masjid yang unit kerana masjid ini tiada menggunakan tiang tengah, manakala masjid ini pula antara masjid tiada menggunakan paku sebagai penyambung antara papan mahupun tiang ke tiang. Keunitkan lagi adalah corak dan pengaruh yang ada di Masjid Lama Kedai Mulong.

## **5.1 Perbincangan**

### **I. Ciri-ciri seni bina.**

Kajian yang dilakukan ini membincangkan berkaitan dengan ciri-ciri seni bina pada Masjid Lama Kedai Mulong dimana masjid ini dikenali sebagai masjid-masjid yang popular di Malaysia dari kehenatan seni bina dan sejarah masjid. Masjid Lama



Kedai Mulong ini mempunyai beberapa ciri-ciri yang sama dengan masjid lain dan ada juga ciri-ciri seni bina yang berlainan dengan masjid lain.

Ciri-ciri seni bina masjid ini menjadi perbincangan utama adalah berkaitan dengan bahagian yang ada di masjid iaitu dari segi atap yang menggunakan jenis atap singgora yang unit dan jarang dijumpai dimana-mana selain Kelantan, Pahang dan Terengganu. Selain itu, penggunaan pemeleh, buah buton, dan kiasan matahari pada bahagian bumbung menarik menjadi perbincangan, pada bahagian rangka badan masjid pula dapat dilihat juga jadi topik utama kerana keunikan penggunaan dinding janda hias, bendul, panel kerewang jejala dan lain-lain. Seterusnya adalah perbincangan berkaitan bahagian tapak bawah menggunakan tiang yang banyak, pelapik tapak dan lain-lain bagi membantu memperkuatkan lagi menahan beban masjid.

Keunitkan ciri-ciri seni bina Masjid Lama Kedai Mulong begitu menarik untuk dijadikan satu topik perbincangan terutama corak atau lukisan mural pada bahagian-bahagian masjid, pada masjid dapat dilihat pada bahagian tiang, buah buton, dan pada dinding janda hias yang mempunyai lukisan mural yang berwarna emas yang menaikkan lagi keunikan masjid ini. Keunikan yang lagi menarik pengaruh keatas ciri-ciri seni bina Masjid Lama Kedai Mulong yang dimana ada satu bahagian mempunyai persamaa yang ada di Negara China iaitu pada panel kerewang jejala.

## II. Konservasi ke atas masjid.

Masjid Lama Kedai Mulong ada antara masjid yang pernah dikonservasi di Kelantan bagi mendapatkan keaslian reka bentuk asal Balai Rung Seri Raja Dewa Kelantan, masjid ini dahulu yang diubah dari balai rung menjadi masjid berlaku banyak perubahan sehingga bahagian yang menarik dibuang dan diubah mengikut reka bentuk masjid selepas di beli oleh AJK kampung Mulong pada dahulu yang hanya berharga RM 1000 sahaja.

Masjid ini mengalami 3 peringkat iaitu peringkat pertama adalah sebagai Balai Rung Seri Raja Dewa di Kota Bharu yang dahulu digunakan oleh pihak istana sahaja, pada peringkat kedua adalah sewaktu dibeli oleh AJK Kampung Mulong dengan harga RM 1000 sahaja dan diubah menjadi masjid untuk kegunaan penduduk kampung Mulong pada masa itu, dan peringkat ketiga adalah sewaktu masjid dikonservasi menjadi Balai Rung tetapi masih digunakan sebagai masjid dengan penambahan beberapa binaan seperti tempat wuduk, wakaf dan lain-lain untuk kemudahan penduduk kampung Mulong.

Konservasi yang dilakukan di Masjid Lama Kedai Mulong pada tahun 2008 begitu banyak kerana perubahan yang berlaku keatas balai rung yang menjadi masjid. Konservasi yang berlaku adalah bermula dengan mengubah kembali bentuk masjid kepada balai rung, konservasi juga dilakukan pada atap dengan menggunakan atap singgora, menukar kayu yang rosak dengan bahan yang sama untuk meendapat

keaslian, manakala tiang pada tapak ditambah bagi memperkuatkan lagi binaan masjid dan ada juga menggunakan paku walaupun sedikit sahaja bagi memperkuatkan lagi binaan Masjid Lama Kedai Mulong. Konservasi keatas masjid ini telah siap pada tahun 2009.

### **III. Perubahan ke atas masjid**

Masjid Lama Kedai Mulong yang dapat dilihat sekarang sama dengan balai rung pada mula-mula dibina disebabkan konservasi yang dilakukan oleh Jabatan Warisan Negara(JWN) yang siap pada 2009, masyarakat masih tidak tahu apa yang telah berlaku pada zaman ke perubahan pertama iaitu Balai Rung Seri Dewa Raja diubah oleh penduduk kampung Mulong menjadi masjid.

Perubahan yang berlaku ke atas balai rung sangat banyak sehingga sebuah bahagian diubah dan diganggu untuk dijadikan sebagai masjid bagi kemudahan penduduk. Perbincangan yang dapat dilakukan adalah bagaimana berlaku perubahan dari segi apa yang berlaku, bilakah berlaku perubahan ke atas balai rung sehingga menjadi masjid yang belum dikonservasi oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) siap pada 2009.

Perubahan yang berlaku keatas balai rung adalah berperingkat dimana bermula pada perubahan bumbung, rangka, badan balai rung, tapak, tangga, dan lain-

lain yang boleh dikatakan perubahan yang ketara dapat dilihat. Perkara ini menjejaskan keaslian balai rung yang dahulunya adalah sebuah seni bina rumah tradisional negeri Kelantan.

## **5.2 Cadangan**

### **I. Pemeliharaan dan pemuliharaan keatas Masjid Lama Kedai Mulong**

Pemeliharaan dan pemuliharaan adalah langkah yang dilakukan bagi menjaga sesebuah bangunan sehingga artifak daripada rosak dan cara ini digunakan dalam bidang konservasi. Langkah ini banyak membantu dalam menjaga daripada rosak mahupun dirosakan oleh individu yang tidak bertanggungjawab.

Pemeliharaan dan pemuliharaan bagi Masjid Lama Kedai Mulong amatlah penting kerana menjaga masjid daripada rosak disebabkan oleh perosak seperti seranggan dan lain-lain. Perkara ini nyatakan kerana semasa melakukan kerja lapangan di Masjid Lama Kedai Mulong mendapati begitu banyak seranggan dapat merosakkan masjid seperti sarang labah-labah, semut, kulaput dan lain-lain. Semasa pemerhatian juga mendapati semasa berlaku pandemik covid menyebabkan masjid ini tidak diurus dan perkara ini juga disebabkan oleh kematian Tuan Haji Farid yang selaku penjaga Masjid Lama Kedai Mulong ini.

Langkah yang harus dilakukan bagi menjaga adalah pertama melantik seseorang individu dapat menjaga masjid seperti Tuan Haji Farid dalam menjaga masjid supaya masjid setiasa bersih dari serangga dan lain-lain, kedua pula adalah mencari pakar mahir dalam membaiki bahagian yang rosak terutama pada bahagian tapak. Langkah ini haruslah dilakukan bagi menjaga Masjid Lama Kedai Mulong daripada rosak kerana masjid ini melambangkan seni bina tradisional Kelantan

## **II. Mempegiatkan lagi sebagai tempat pelancongan.**

Pelancongan merupakan satu sektor yang dapat menguntungkan bagi negara, dimana sektor pelancongan ini meluas seperti pelancongan kesihatan, ekopelancongan, pelancongan bangunan bersejarah dan lain-lain tetapi sektor pelancongan negara kita menjadi perlahan disebabkan oleh pandemik Covid tetapi ini bukan menjadi satu masalah untuk memajukan sektor pelancongan kerana Malaysia mempunyai banyak tempat yang menarik untuk dijadikan tempat pelancongan. Masjid Lama Kedai Mulong juga tidak lari daripada menjadi tempat Pelancongan berkaitan dengan bangunan sejarah tetapi tidak popular seperti bangunan lain antaranya adalah Masjid Kampung Laut, Rumah Tiang 12 dan lain-lain yang menjadi keutamaan dengan ini pihak yang terlibat haruslah menjalankan tanggungjawab bagi memperkenalkan lagi Masjid Lama Kedai Mulong ini.

Pihak yang terlibat haruslah berusaha bagi menaikkan lagi nama Masjid Lama Kedai Mulong sebagai tempat pelancongan di Malaysia kerana masjid ini mempunyai kehebatan dari segi sejarah dan seni bina kerana masjid ini adalah sebuah balai rung ketika dahulu yang berada di Kota Bharu, masyarakat setempat juga haruslah

memainkan peranan dalam memperkenalkan lagi masjid ini supaya dunia tahu akan kehebatan Masjid Lama Kedai Mulong yang ada di Kelantan ke serata dunia.

Pihak yang bertanggungjawab haruslah menambak lagi Masjid Lama Kedai Mulong ini dengan menggunakan media-media massa terutama media digital bagi memperkenalkan lagi masjid ini kepada dunia agar masjid ini menjadi tempat tumpuan pelancong untuk datang dengan ini dapat membawa keuntungan kepada kepada negara sahaja tetapi pelancong membawa ilmu atau maklumat untuk dibawa pula ke Negara mereka seperti sejarah berkaitan dengan bangunan dan keunikan seni bina bangunan tersebut.

### **III. Memperbanyakkan lagi kempen kesedaran**

Masyarakat kini banyak tidak mengetahui berkaitan dengan Masjid Lama Kedai Mulong akan sejarah mahupun seni bina disebabkan oleh tiada kesedaran kepentingan masjid ini kepada seni bina Malaysia dan terutama masyarakat, anak-anak muda kini banyak tidak mengetahui berkaitan masjid yang penuh keunikan masjid ini kerana telah terdedah kepada gajet.

Penggunaan media mahupun laman sesawang haruslah digunakan sebagai langkah untuk menyampaikan maklumat lebih cepat kerana masyarakat sekarang boleh dikatakan mempunyai gajet. Memperbanyakkan lagi kempen untuk

mendedahkan berkaitan dengan masjid bagi menarik minat masyarakat terutama golongan muda disebabkan oleh golongan mudalah yang akan menjaga bangunan-bangunan sejarah ini untuk generasi akan datang. Langkah ini akan dapat menjaga lagi bangunan-bangunan sejarah kita daripada dibiarkan begitu sahaja.

### **5.3 Kesimpulan**

Kesimpulan keseluruhan bagi kajian yang telah dilakukan , Masjid Lama Kedai Mulong ini adalah antara seni bina tradisional yang ada negeri Kelantan kerana keunikan yang berbeza dengan negeri-negeri yang ada di Malaysia. Keunikan yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan sejarah yang mungkin jarang-jarang di dengar, manakala perubahan yang berlaku keatas sebuah Balai Rung Seri Dewa Raja menjadi sebuah masjid, ini antara satu keunikan Masjid Lama Kedai Mulong.

Selain itu juga, Masjid Lama Kedai Mulong mempunyai keunikan berkaitan dengan seni bina yang tersendiri kerana penggunaan bahan-bahan, jenis-jenis seni binaan yang digunakan seperti pemeleh, panel kerawang dan lain-lain. Keunikan lain adalah masjid ini tidak menggunakan tiang dalam berbanding rumah tradisional lain kerana masjid ini hanya menggunakan tiang pada tepi sahaja.

Seterusnya, Masjid Lama ini mempunyai pengaruh dari luar yang berkaitan dengan corak. Perkara ini dinyatakan kerana asal usul Ekor Itik , dan panel Kerawang

Jejala bukan dari tanah melayu. Panel Kerawang Jejala ini mempunyai persamaan di negara china iaitu di Yunnan dari segi corak dan bentuk panel itu sendiri. Keunikan ini membezakan Masjid Lama Kedai Mulong dengan masjid-masjid lain yang ada di Malaysia.

Langkah konservasi yang dilakukan oleh pihak Jabatan Warisan Negara(JWN) pada 2009 bagi menjaga keaslian Masjid Lama Kedai Mulong sebagai Balai Rung Seri Dewa Raja bagi kesultanan Kelantan ketika dahulu untuk ditinggalkan kepada generasi sekarang dan generasi akan datang supaya keunikan seni bina teradisional Kelantan tidak hilang ditelan zaman kemodenan sekarang.



## Rujukan

### Artikel

Jabatan warisan Negara. diambil pada 24/05/2021

<http://www.heritage.gov.my/masjid-mulong-kota-bharu-kelantan.html>

Fatihah zakiana diambil Jun 15, 2015 <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/06/61347/masjid-kampung-hulu-bukan-masjid-tertua-di-malaysia>

Judylyne, Johny (2019) *Kajian Terhadap Keberkesanan Kaedah Pameran Koleksi Dalam Muzium Adat Istiadat Istana Jahar Sebagai Tarikan Pelancong*. *Procedia Environmental Sciences* 17(2013) 729-738

Shamsu Mohamad dipada 2013, *penambakaan atap singgora dari aspek bahan gunaan dan reka bentuk*.

[https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&ved=2ahUKEwjrtubiczxAhVqzTgGHRBSCRcQFjABeqQIBBAD&url=http%3A%2F%2Fprints.usm.my%2F43938%2F1%2FShamsu%2520Mohamad24.pdf&usg=AOvVaw0zRrOg6ABml\\_3Zz9WiZfX](https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&ved=2ahUKEwjrtubiczxAhVqzTgGHRBSCRcQFjABeqQIBBAD&url=http%3A%2F%2Fprints.usm.my%2F43938%2F1%2FShamsu%2520Mohamad24.pdf&usg=AOvVaw0zRrOg6ABml_3Zz9WiZfX)

Zulkarnain Hassan diambil 2012, *Preservation of Malay Singgora Roof*,

<https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1878029613000923>

Saidatulakmal Mohd diambil pada 2011, *Kelestarian warisan Negara*, 2011  
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,USM

Rahimah Abdul Aziz diambil pada 2012, *Pemuliharaan Warisan*, Penerbit  
Universiti Malaysia Bangi.2012.

Ahmad Sarji Abdul Hamid. 2008. *Heritage Conservation*, from past to present.  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Masjid Mulong, Kota Bharu kelantan

<https://www.heritage.gov.my/masjid-mulong-kota-bharu-kelantan.html>

Perusahaan Atap Singgora di Bachok, Kelantan

<http://beris.pjk.com.my/index.php/warga-pi1m/keusahawanan/97-atap-singgora>

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN